



**RUNTUHAN CERUN
POTONG SEMASA
PEMBINAAN**



Satu kejadian runtuh cerun berlaku di sebuah tapak pembinaan yang telah mengakibatkan 11 orang pekerja maut akibat tertimbus semasa yang sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan struktur bangunan berhampiran dengan kaki cerun. Sebelum kejadian, kerja-kerja menstabilkan cerun potong dan aktiviti pembinaan di kawasan berhampiran cerun sedang dijalankan.

Berdasarkan kepada kejadian ini, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian bagi memastikan kejadian seperti ini tidak berulang, antaranya -

- i. Cerun hendaklah dipotong dengan sudut yang selamat dan faktor keselamatan (FoS) melebihi nilai yang ditetapkan dalam piawaian;
- ii. Sekiranya penstabilan cerun diperlukan, kerja penstabilan ke atas cerun hendaklah dijalankan pada kadar segera;
- iii. Kerja penstabilan cerun hendaklah mengikut kaedah yang ditetapkan dalam piawaian;
- iv. Perlindungan ke atas permukaan cerun hendaklah dibuat bagi mencegah hakisan pada permukaan cerun serta penyusupan air ke dalam tanah;
- v. Pemantauan ke atas struktur cerun perlu dijalankan secara berterusan agar segala perubahan bentuk yang tidak selamat dapat dikenalpasti dan diambil tindakan pembaikan dengan segera.
- vi. Kontraktor hendaklah menjalankan HIRARC untuk mengenal pasti semua potensi hazard yang mungkin timbul daripada operasi kerja berhampiran cerun potong dan mengambil langkah kawalan yang perlu bagi mengelakkan daripada berlakunya kejadian yang tidak diingini.

Maklumat lanjut :

- Bahagian XII, Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan)(Keselamatan) 1986
- Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Industri Pembinaan (Kerja Pengorekan) 2017
- *Jabatan Kerja Raya Malaysia, Guidelines for slope design (JKR21500-0011-10)*
- Garis Panduan Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) 2008